

SEDUTAN UCAPAN PERDANA MENTERI LEE HSIEN LOONG DI PAMERAN BH60: KENANGAN DI SUNGAI

Nadi penting pembangunan

Sungai Singapura dan BH memainkan peranan dalam sejarah pemodenan dan kemajuan Singapura



BERITA HARIAN (BH) ialah akhbar yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Singapura. Sejarahanya turut terbitu dalam lipatan sejarah negara kita.

Saya juga gembira kerana BH menggabungkan sambutan BH60 dengan ulang tahun ke-40 usaha membersihkan Sungai Singapura.

Kedua-duanya ibarat nadi yang berdenyut menjadi penggerak pembangunan negara kita.

Sungai Singapura bukan sekadar sebatang sungai biasa. Ia adalah ikon sejarah Singapura yang mencerminkan pemodenan dan kemajuan kita.

Sama seperti BH, BH bukan sekadar sebuah akhbar.

BH sudah menjadi sebuah institusi utama masyarakat Melayu yang dihargai dan dihormati.

60 tahun adalah satu pencapaian yang hebat. Tahniah!

Saya yakin BH akan terus bersinar menjadi penggerak minda dan sumber informasi yang terus mengalir dengan peredaran masa seperti Sungai Singapura.

60 tahun adalah masa yang panjang dan BH telah melalui perubahan yang ketara.

Apabila anda mula diedarkan, anda menggunakan cetak lead (lead print) dan mesin pengatur huruf.

Hari ini, akhbar itu bukan sahaja dibentangkan dalam sistem komputer, malah diterbitkan secara elektronik.

Ramai pembaca menggunakan perbitan anda dalam talian.

Perubahan sedemikian tidak dapat dibayangkan 60 tahun yang lalu.

Singapura juga telah menyaksikan perubahan besar – daripada koloni British ke sebuah republik merdeka, daripada dunia ketiga hingga pertama.

BH SESUAIKAN DIRI BAGI PENUHI ASPIRASI PEMBACA

Sedang masyarakat kita maju, pembaca anda juga telah berubah.

Pada 1957, ramai orang Melayu miskin dan tinggal di kampung.

Hari ini, orang Melayu telah maju seiring negara, dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial.

Mereka tinggal di estet perumahan yang menyepadukan kaum.

Mereka bertutur dalam bahasa Inggeris dan bijak menggunakan teknologi, terutamanya generasi muda.

Tetapi mereka terus membaca BH kerana ingin mengetahui apa yang berlaku di dalam masyarakat.

BH telah menyesuaikan diri dengan perubahan aspirasi dan kepentingan pembaca.

Anda menyegarkan kandungan dan penyampaian anda bagi menarik generasi muda.

Bahagian gaya hidup anda Gah! menggabungkan tema tradisional dengan kandungan yang 'hip'.

Sedang telefon bijak dan tablet semakin berleluasa dan tabiat membaca berubah, BH telah ke wadah baru bagi menarik pembaca.

Anda mempunyai video, laman dalam talian, aplikasi mudah alih, kehadiran media sosial, dan e-akhbar yang baru-baru ini saya mula membaca, dan bukan edisi cetakan.

Pada masa yang sama, anda tetap berpegang pada tujuan pengasas BH: bagi menjadi "jambatan memupuk persefahaman dan hubungan lebih baik antara orang Melayu dan anggota masyarakat bukan Melayu".

Anda akhbar harian Melayu pertama yang menggunakan Rumi (skrip Latin) dan bukannya Jawi (skrip Arab), supaya orang bukan Melayu dapat membaca karya tersebut dan mempelajari bahasa tersebut.

Anda terus menjadikan sikap inklusif satu nilai teras.

Bulan lepas, anda mengundang penceramah bukan Melayu ke forum anda mengenai 'Bahasa Melayu serta Peranan dan Nilainya di Singapura dan Rantau Ini'.

Anda juga berjaya menarik be-



PENERANGAN LANJUT: Perdana Menteri Lee Hsien Loong (kanan) mendapat penerangan tentang alat penyaringan dan rawatan air oleh pegawai-pegawai HSL semalam. – Foto-foto BH oleh AZIZ HUSSIN

“Berita Harian sudah menjadi sebuah institusi utama masyarakat Melayu yang dihargai dan dihormati. Saya yakin BH akan terus bersinar menjadi penggerak minda dan sumber informasi yang terus mengalir dengan peredaran masa seperti Sungai Singapura.”

– Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

berapa orang daripada mereka mendaftar bagi program perbualan Melayu anda. Syabas!

Selain mempromosikan dan memelihara bahasa dan budaya Melayu, BH memperjuangkan kesejahteraan dan pencapaian masyarakat.

Anda menganjurkan kegiatan bagi mempromosi gaya hidup sihat, termasuk zumba beramai-ramai untuk semua kaum dan usia, yang telah menjadi kegiatan tetap di Our Tampines Hub.

Anugerah Jauhari dan Anugerah Jauhari Harapan anda telah memberi inspirasi kepada ramai orang Melayu sejak 19 tahun yang lalu.

Kepada masyarakat Melayu, BH adalah lebih daripada sebuah akhbar vernakular.

Anda adalah institusi sosial yang dihormati dan disayangi.

Kedudukan kukuh ini dibangunkan oleh editor sejak bergenerasi, termasuk Encik Yatiman Yusof, Encik Zainul Abidin Rasheed, Encik Gunter Sadali, dan kini Encik Mohd Saat; serta veteran seperti Encik Zulkifli Rahmat, Encik Saini Salleh, Encik Suhaimi Mohsen dan Encik Rosebi Mohd Sah.

Selama 60 tahun, BH telah menyertai dan menyumbang kepada kisah Singapura.

Anda menyaksikan jatuh bangun perjalanan negara kita.

Anda memaklumkan, mendidik dan menghiburkan pembaca.

Anda menggalak orang Melayu Singapura agar menjadi moden serta warga yang baik dalam masyarakat berbilang kaum, untuk menyertai sepenuhnya dalam masyarakat Singapura sambil mengekalkan budaya dan warisan mereka.

KISAH SUNGAI SINGAPURA

Kisah Singapura kaya dan kompleks, tetapi satu babak yang sangat

menarik dan yang mencerminkan kepintaran dan keazaman nenek moyang kita, adalah pembersihan Sungai Singapura.

Lagu 'Home' oleh Dick Lee mempunyai seni kata yang berbunyi "sails down that river which brings us life" (melayari sungai yang memberi kita kehidupan).

Ternyata, Sungai Singapura merupakan satu bahagian penting dalam kehidupan ekonomi kita.

Namun, perintis projek pembersihan sungai akan memberitahu anda, meskipun sungai membawa kehidupan dan kemakmuran kepada Singapura, tidak ada kehidupan dalam sungai itu sendiri – tidak ada ikan yang mungkin dapat bertahan di perairannya!

Semua aktiviti di dan berhampiran sungai mencemarnya dengan teruk. Airnya hitam, dikenali dengan baunya dan beracun.

Tidak seperti Sungai Singapura yang bersih dan indah di belakang kita.

Usaha membersihkan sungai dan kawasan tadahan sekitarnya ialah usaha besar-besaran.

Ia memerlukan banyak penyelesaian, perancangan dan pelaksanaan. Terutama sekali, ia memerlukan tekad dan keazaman politik hebat, untuk mengatasi rintangan dan menyelesaikan tugas itu.

Apabila Encik Lee melancarkan projek pembersihan itu pada 27 Februari 1977, beliau memberi pasukan itu 10 tahun untuk menyelesaikannya.

Pasukan pembersihan sungai menyahut cabarannya.

Projek pembersihan sungai tidak pernah habis. Begitu juga, kerja BH tidak pernah selesai.

Selalu ada cabaran baru, termasuk beberapa yang mendesak.

Anda perlu menyesuaikan diri



MENJADI TUMPUAN: Orang ramai mengunjungi Pameran BH60: Kenangan di Sungai di Merchant Court Hotel semalam.

dengan profil dan minat pembaca anda yang berubah.

Pada masa yang sama, anda perlu menangani gangguan yang dibawa oleh era digital – persaingan daripada media sosial dan kekeliruan daripada berita palsu.

Banyak akhbar di banyak negara mendapatinya sukar mengekalkan pembaca mereka dan mengekalkan pendapatan mereka.

Sebilangan telah tunduk kepada godaan bagi mensensasikan berita, menggunakan tajuk berita 'clickbait' dan menerbitkan berita yang tidak dapat disahkan bagi mendapat perhatian dalam persaingan sengit.

Tetapi BH telah memelihara kewibawaan dan sikap berhati-hati dalam kewartawanan anda dan terus melaporkan dengan tepat, bertanggungjawab dan daripada perspektif nasional.

Sebagai satu-satunya akhbar Melayu di Singapura, anda memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembaca anda dan mengukuhkan fabrik sosial antara pelbagai kaum dan agama kita.

Saya terharu dengan tekad BH untuk bertahan dan berjaya.

Seperti seni kata lagu 'Home' berbunyi: "where that river always flows" (di mana sungai sentiasa mengalir).

Walau apapun cabaran, BH akan mencari jalan untuk ke hadapan dan muncul lebih kukuh. Begitu juga Singapura.

Selamat menyambut ulang tahun ke-60!